



7. Membaca tahiyat (awal atau akhir bergantung pada bilangan rakaat)



8. Memberi salam ke kanan (rukun solat) dan ke kiri (sunat)

### DOA SEMASA IBU HAMIL

Doa ini diamalkan oleh Siti Aminah ketika mengandung Nabi Muhammad SAW dan Siti Aminah diberikan kemudahan dan ketenangan oleh Allah SWT ketika melahirkan Baginda SAW.

أَعِيذُهُ بِالْوَاحِدِ مِنْ شَرِّ كُلِّ  
حَاسِدٍ

Maksudnya : "Aku memohon perlindungan kepadaMu Ya Allah Yang Maha Esa daripada kejahatan orang yang berhasad

### SELAWAT SYIFA' ( PENYEMBUHAN )

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
طِبِّ الْقُلُوبِ وَدَوَائِهَا وَعَافِيَةِ  
الْأَبْدَانِ وَشِفَائِهَا وَنُورِ  
الْأَبْصَارِ وَضِيَائِهَا  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

*Ya Allah, limpahkanlah rahmat ke atas penghulu kami, Nabi Muhammad yang dengan berkat Baginda, Engkau menyembuhkan hati-hati yang resah, menjadi penawar dan menyihatkan tubuh badan juga memberi kesembuhan penyakit serta mengurniakan cahaya penglihatan dan kurniakanlah juga rahmat keberkatan dan kesejahteraan ke atas keluarga serta para sahabat Baginda SAW.*

TERBITAN  
2010



## PANDUAN SEMBAHYANG IBU HAMIL

### SOLAT SECARA DUDUK DI ATAS KERUSI



#### DALIL RUKHSAH SOLAT

Sabda Rasulullah SAW : *Dari Imran bin Husain RA telah berkata: "Aku menghidap buasir. Maka aku bertanya kepada Rasulullah SAW mengenai solat, maka berkata Rasulullah SAW : Solatlah dalam keadaan berdiri, maka jika kamu tidak mampu, hendaklah kamu duduk, jika kamu tidak mampu maka hendaklah kamu mengiring".*

(Riwayat al-Bukhari)

Disediakan oleh :

Unit Hal Ehwal Islam  
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang  
Tel : 03-3375 7000 samb. 1504/1507

SILA LETAKKAN RISALAH INI  
DI TEMPAT YANG SEWAJARNYA

## PENGENALAN

♦ Solat merupakan suatu kewajipan yang WAJIB dilaksanakan oleh setiap orang Islam yang mukallaf dan sempurna syarat seperti berakal, baligh (cukup umur), suci daripada haid dan nifas bagi perempuan.

## SYARAT SAH SOLAT

1. Beragama Islam.
2. Mempunyai akal yang sempurna.
3. Suci daripada hadas kecil dan besar.
4. Suci daripada najis pada badan, pakaian dan tempat solat.
5. Menutup aurat.
6. Mengadap kiblat (yang berkemampuan).
7. Mengetahui masuk waktu solat dengan yakin.

## KEADAAN YANG MENGHARUSKAN SOLAT DENGAN KAEDAH INI

1. Pesakit yang bersimen / berbalut di bahagian kaki.
2. Pesakit yang sentiasa berada di atas katil dan mempunyai masalah pergerakan.
3. Pesakit yang mengalami masalah untuk berdiri lama.

## Amali Solat



1. Duduk mengadap kiblat mengikut ke-selesaian pesakit dan berniat



2. Membaca surah al-Fatihah dan surah



3. Ruku' dengan menundukkan sedikit kepala



4. I'tidal (bangun dari ruku' dan kembali seperti keadaan asal)



5. Sujud (dengan menundukkan sedikit kepala melebihi had ruku')



6. Duduk di antara dua sujud